

03 APR 2002

Suhakam-Persidangan/I

SUHAKAM AKAN ANJUR DIALOG MENGENAI "NEGARA ISLAM"

Oleh: Salmly Hashim

WASHINGTON, 3 April (Bernama) -- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) akan menganjurkan dialog mengenai "Negara Islam" di Kuala Lumpur pada Isnin, kata Pengerusinya Tan Sri Musa Hitam pada Selasa.

Dialog mengenai isu kontroversi itu akan menghimpunkan pelbagai kumpulan Islam dan bukan Islam, parti-parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan, katanya pada satu persidangan mengenai Malaysia anjuran Universiti Ohio di Kedutaan Malaysia di sini.

"Malaysia Dalam Abad Ke-21" menjadi tema persidangan dua hari itu yang diadakan sempena sambutan 20 tahun "Tun Abdul Razak Distinguished Chair" di Univeristi Ohio.

Prof Datuk Dr Zakaria Ahmad merupakan pengerusi pada masa ini dan yang ke-10 Kerusi Tun Abdul Razak dalam Pengajian Asia Tenggara di universiti itu.

Musa berkata beliau sedih dengan hakikat bahawa parti-parti politik telah menggunakan bangsa dan agama sebagai "isu politik", dengan Umno dan PAS saling berebut untuk menjadi juara yang memperjuangkan "Negara Islam".

Isu kontroversi itu ditimbulkan semula apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, yang menurut Musa telah menimbulkan kebimbangan orang bukan Islam.

Prof Datuk Dr Osman Bakar dari Universiti Georgetown berkata keperluan bagi dialog seumpama itu amat penting berikutan beberapa pemimpin PAS telah menolak perisytiharan bahawa Malaysia sememangnya sebuah negara Islam manakala DAP telah mencabar kesahihan daripada segi Perlembagaan akan perisytiharan oleh Dr Mahathir itu.

"Jika Perlembagaan yang sama dianggap sekular oleh sesetengah kumpulan, dan Islam oleh kumpulan yang lain, dengan itu jelas terdapat keperluan amat penting untuk mengadakan dialog nasional mengenai makna sekular dan Islam," katanya.

Osman, yang menganggap perisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam oleh Dr Mahathir sebagai "peristiwa amat bersejarah", berkata jika ianya diterima, Malaysia akan muncul sebagai sebuah negara Islam di zaman moden yang memperolehi status negara Islam melalui proses demokrasi.

Lagipun, status itu dicapai dalam konteks sebuah negara yang masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan pelbagai agama dengan lebih 40 peratus populasinya ialah bukan Islam, katanya.

Mengenai perang menentang keganasan, Duta Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid berkata telah terbukti bahawa Kuala Lumpur dan Washington saling bekerjasama rapat sejak serangan 11 Sept ke atas New York dan Washington.

"Jika kita menangani keganasan daripada puncanya, dan mengalihkan insentifnya serta tarikannya bagi orang tertentu yang terdesak, kita akan dapat menghapuskannya sebagai satu masalah besar bagi dunia," katanya dalam ucapan perasmiannya.

Musa, dalam ceramahnya mengenai "Keganasan: Pengalaman Malaysia" di Universiti Johns Hopkins di sini, berkata pihak Barat boleh belajar daripada pengalaman Malaysia yang sekian lama menentang komunisme.

"Seperti perjuangan menentang komunisme, anda perlu faham akan bahasa dan ideologinya" untuk memenangi fikiran dan hati rakyat.

"Saya berasa kecewa dan marah bahawa mereka tidak memahami Islam, Quran atau bahasa Arab," katanya dalam ceramahnya pada Isnin.

"Saya rasa bahawa Barat agak kurang berwibawa apabila memperkatakan mengenai hak asasi manusia selepas 9-11 (11 Sept)...anda kelihatan seperti

kami dan melakukan apa yang kami lakukan," katanya.

Pentadbiran Bush bagi tempoh yang tidak pasti telah menahan beratus lelaki Islam di penjara dalam operasi menahan mereka yang disyaki pengganas ekoran serangan itu.

Penahanan mereka yang kebanyakannya adalah lelaki Arab atau mereka yang mempunyai nama Arab telah mendapat kritikan daripada kumpulan Islam dan bukan Islam yang menganggap penahanan itu sebagai serangan terhadap kebebasan sivil Amerika.

-- BERNAMA

SH AHH RHM